

Pencapaian bukti kekukuhan kerajaan

AINI MAWAWI

KERAJAAN Perpaduan yang bakal menginjak usia setahun tidak lama lagi terus berusaha memperkukuhkan kompetensi dan kewibawaan dalam mentadbir negara dengan komitmen ampuh membawa angin transformasi positif di segenap elemen kerajaan bagi menggerakkan harapan rakyat melihat Malaysia yang lebih makmur.

Salah satu kayu ukur pencapaian Kerajaan Perpaduan adalah sektor ekonomi yang menjadi fokus utama bagi menaikkan siling dan lantai ekonomi rakyat secara keseluruhan selari dengan tekad kerajaan untuk mengurangkan defisit dan inflasi negara.

Kadar inflasi negara yang telah mencatatkan rekod lebih rendah sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih tampuk pemerintahan negara sejak November tahun lalu kepada 2.8% berbanding 4.0% adalah salah satu bukti inisiatif pemulihan kerajaan sudah mula menunjukkan trend positif.

Penganalisis politik, **Ts Nurul Aishah Ab Rahman** berpandangan, prestasi inflasi negara yang baik ini kesan campur tangan kerajaan dalam menangani subsidi dan kawalan harga barang-barang keperluan yang disenaraikan dalam Kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP) seperti ayam, beras, dan minyak masak antara pendekatan yang telah membuahkan hasil bagi menurunkan kadar inflasi.

“Prestasi Peningkatan aktiviti ekonomi pada suku pertama 2023 turut membantu kepada pengembangan prestasi ekonomi Malaysia juga mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.3% lebih

baik daripada negara serantau seperti Indonesia (5%) dan China (4.5%) seperti yang dilaporkan Kementerian Kewangan pada Mei 2023.

“Selain itu, usaha bagi merealisasikan penstrukturan semula ekonomi negara ini, turut dilihat menerusi inisiatif paling menonjol Kerajaan Perpaduan iaitu di bawah payung Rahmah yang merangkumi pelbagai bentuk produk dan bantuan daripada makanan hingga pakej-pakej perkhidmatan jalur lebar, kesihatan, malah termasuk pakej pelancongan yang menawarkan harga yang rendah yang mampu dimanfaatkan seluruh rakyat daripada pelbagai lapisan demografik, kuasa ekonomi dan pekerjaan,” ujar beliau.

Malah, inisiatif Rahmah telah mendapat peruntukan tambahan RM50 juta diperluas susulan keberkesanan dan sambutan yang menggalakkan daripada pemain-pemain ekonomi lain yang turut bersama menyahut aspirasi kerajaan bagi menangani isu kos sara hidup rakyat.

“Kesemua rantaian ekonomi yang menunjukkan perkembangan baik ini sekali gus telah menambah keyakinan pelabur-pelabur asing, termasuk dua syarikat gergasi seperti Tesla dan Amazon Web Service disifatkan ‘game changer’ yang dijangka mampu melonjakkan ekonomi dan daya saing Malaysia dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi di rantau ini dengan jumlah anggaran pelaburan berjumlah RM25.5 bilion bagi tempoh 15 tahun.

“Selain aspek ekonomi yang nyata mencatat rekod positif dalam pentadbiran kerajaan baharu ini, reformasi juga berlaku dari sudut

socio-budaya dan politik. Sebagai contoh, Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi yang akan diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Islam sahaja di sekolah awam yang bertujuan untuk memupuk nilai-nilai sabda atau hadis Nabi Muhammad SAW di peringkat sekolah sekali gus memperbaiki modal insan dan semangat cintakan kepada agama terutama dalam kalangan umat Islam.

“Keterbukaan dan kesediaan Kerajaan Perpaduan untuk mendukung hak dan kebebasan bersuara juga bukan sekadar omongan kosong apabila komitmen itu telah dibuktikan dengan peningkatan kedudukan Malaysia di tangga ke-73 Indeks Kebebasan Media Dunia 2023 berdasarkan laporan Reporters Without Borders (RSF) berbanding di tangga ke-113 pada tahun sebelumnya,” ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, di sektor reformasi politik, selain kesepaduan yang dizahirkan di antara rakan gabungan dalam Kerajaan Perpaduan yang utuh dan sikap tolenrasi yang tinggi antara satu sama lain, dibawah pentadbiran baharu juga diperkenalkan beberapa inisiatif pembaharuan dalam kalangan ahli parlimen.

“Antaranya seperti sesi soal jawab PM dan bersama Menteri diperkenalkan, laporan audit negara dibahas dan tindakan tegas kepada ahli parlimen sekiranya menyentuh isu-isu 3R yang boleh mencetuskan sentimen ketegangan kaum di negara,” ujar beliau pelan pemulihan negara adalah kerangkasi reformasi MADANI yakni satu naratif integrasi dan kesepaduan yang pragmatik.

Pencapaian Malaysia Madam



ISLAMIK

- * RM1.5 bilion - Peruntukan pengurusan dan pembangunan Hal Ehwal Islam
 - Peruntukan Institusi Tahfiz dan Pondok
 - RM40 Juta-Sumbangan one-off kepada 70,000 imam, bilal, siak, - noja, marbut, guru kafa dan takmir untuk memartabatkan syiar Islam.

KERAJAAN PUSAT

- * RM 71 bilion - Pelaburan Malaysia yang diluluskan pada suku pertama 2023
- * 3.5% kadar pengangguran berkurangan
- * 4.2% kadar pertumbuhan ekonomi pada separuh pertama 2023
- * 2.4% kadar inflasi terendah dalam tempoh 6 bulan pertama 2023
- * RM11.01 bilion - Penjimatan East Coast Rail Link

PELABURAN

- * RM170 bilion - Pelaburan, Perdagangan dengan China dalam bidang pembuatan kereta generasi dan industri halal
- * RM71.4 bilion - pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan - Jana 1,265 projek baharu dengan 23,977 peluang pekerjaan
- * RM8.3 bilion - pelaburan dalam bidang digital dan teknologi
- Jaminan 1,800 peluang pekerjaan
- * Syarikat Tesla telah menyatakan kesediaan melabur dalam negara

INSENTIF RAKYAT

- * Skim Perubatan Madani untuk B40, penerima sumbangan STR - 1,083 rangkaian klinik di 21 daerah seluruh negara.
- * Inisiatif Pendapatan Miskin Tegar - RM750 juta (usahawan tani, usahawan makanan, operator perkhidmatan)
- * Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) - Membolehkan orang awam dan pertubuhan bukan kerajaan memohon secara terus kepada Kementerian Ekonomi mengenai projek infrastruktur kecil awam - Tidak melebihi RM200,000
- * Pakej RAHMAH Insuran dan Pakej RAHMAH Takaful yang menawarkan perlindungan komprehensif pada harga berpatutan.
- * 130,000 individu dikeluarkan dari senarai mufliis / insolvensi
- * Pakej Perpaduan Jalur Lebar Internet Tetap Malaysia MADANI - RM69,30MBps